

**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN EKSTENSIF
MODIFIKASI PERMAINAN KATEGORI MEMADANG DALAM MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 5**

*The Validity and Reliability of the Extensive Assessment of Modification in Fielding Category of
Game in Physical Education Subjects for Year 5*

Hanapiah Khamis, Azali Rahmat, Norkhalid Salimin
hanapiah.khamis@iptho.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI

ABSTRAK

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen Pentaksiran Ekstensif Modifikasi Permainan Kategori Memadang Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5. Kajian ini menggunakan instrumen yang holistik dan realistik bagi menilai tahap pencapaian murid bagi permainan kategori memadang. Pentaksiran Ekstensif merangkumi penilaian domain psikomotor, kognitif, afektif dan juga elemen penaakulan (memukul dan memadang). Penilaian domain psikomotor, afektif dan elemen penaakulan dilaksanakan secara pemerhatian guru, dan bagi domain kognitif pula, penilaian sendiri dilaksanakan oleh murid. Lima sumber utama dijadikan sebagai rujukan dan panduan supaya instrumen pentaksiran yang dibina bersesuaian dengan kehendak dan keperluan kurikulum Pendidikan Jasmani. Instrumen kajian ini dibina berdasarkan Buku Teks Pendidikan Jasmani Tahun 5, Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2014 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Hasil kajian mendapati kesahan instrumen Model Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang adalah tinggi bagi kedua-dua proses kesahan. Manakala, kebolehpercayaan instrumen Model Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang antara dua penguji bagi pencapaian tahap penguasaan murid bagi domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan menunjukkan hubungan yang kuat. Berdasarkan dapatan kajian, instrumen Pentaksiran Ekstensif ini adalah sesuai digunakan sebagai instrumen standard untuk mentaksir tahap penguasaan murid bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5. Instrumen Pentaksiran Ekstensif merupakan satu instrumen

Received: 21 May 2018

Revised: 14 December 2018

Accepted: 15 January 2019

yang holistik, realistik, dan dapat mengukur tahap penguasaan murid selaras dengan kehendak pentaksiran berasaskan sekolah sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Kata Kunci: Pendidikan Jasmani, pentaksiran ekstensif, permainan kategori memadam, kesahan, kebolehpercayaan.

ABSTRACT

In general, this study aims to determine the validity and reliability of the Extensive Assessment of Modification in Fielding Category of Game in Physical Education Subjects For Year 5. This study uses a holistic and realistic instrument to evaluate the level of students' achievement in fielding category of game. Extensive Assessment includes psychomotor domain assessment, cognitive, affective and also reasoning (batting and fielding) elements. Assessment of psychomotor domain, affective and reasoning element are conducted based on teacher's observation, meanwhile for cognitive domain assessment, self-assessment is conducted by the pupils. The five main sources are used as reference and guidance so that the evaluation instruments that have been constructed are in line with the needs and requirements of Physical Education curriculum. This research instrument is constructed based on Physical Education Textbook for Year 5, Physical Education Teacher's Guidebook for Year 5, Standard Documents of Curriculum and Assessment of Physical Education subject for Year 5, Professional Circular Letter No. 1/2014 and Malaysia Education Blueprint 2013-2025. The findings revealed that the validity of the Extensive Assessment Model instrument for the fielding category is high for both validity processes. Whereas, the reliability of the Extensive Assessment Model instrument for the fielding game's category between two testers for achieving the level of pupils' control for psychomotor, cognitive, affective and reasoning domains showed strong relationships. Based on the findings of this study, the Extensive Assessment instrument is suitable to be used as a standard instrument in assessing the pupils' level in fielding category of game for Year 5 in Physical Education subjects. The Extensive Assessment Instrument is a holistic and realistic instrument that can measure the level of pupils' achievement in line with the school-based assessment as stated in the Malaysia Education Blueprint 2013-2025.

Keywords: *Physical Education, extensive assessment, fielding category game, validity, reliability.*

1.0 PENGENALAN

Dalam menuju abad ke-21, semua murid sekolah hendaklah memiliki pelbagai jenis kemahiran bagi menggalakkan persaingan di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, pentaksiran memainkan peranan penting bagi memastikan murid sekolah menerima pendidikan yang berkualiti, berkemahiran serta menitikberatkan nilai-nilai murni. Pentaksiran harus lebih dinamik, bermakna dan progresif.

Merujuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyatakan dengan jelas tentang perubahan yang besar dalam aspek sistem pembelajaran murid sekolah di Malaysia yang tertulis dalam bab 4. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat penilaian semula berkaitan kurikulum dan pentaksiran. Antaranya adalah dengan meningkatkan kerangka dan sistem pentaksiran yang berkesan. Selain itu, pihak kementerian turut menambahbaik item yang diuji bagi menerapkan unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ke arah sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang standard (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

PPPM 2013-2025 telah memberi perhatian secara menyeluruh terhadap tahap sistem pentaksiran di Malaysia dengan saranan (i) meningkatkan kerangka pentaksiran dengan menambah item yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi serta menggunakan rujukan standard dalam peperiksaan awam dan PBS, (ii) memperkenalkan saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) dan memperluas skop dalam literasi Bahasa Inggeris (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Oleh itu, Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan mulai 2011 bermula dari sekolah rendah dan 2012 bagi sekolah menengah merupakan pentaksiran yang menyeluruh, sesuai dan memenuhi kehendak dan matlamat FPK, PPPM dan KSSR. Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan sistem pentaksiran yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang proses PdP (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Pentaksiran Berasaskan Sekolah merangkumi kesemua aspek perkembangan sahsiah serta intelektual murid dan bukan hanya tertumpu pada peperiksaan dan pencapaian akademik sahaja. Guru-guru di sekolah bertanggungjawab

mentadbir, merancang, memberi skor dan melaporkan pentaksiran mengikut prosedur yang telah digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun Lima (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2014), proses PdP mata pelajaran Pendidikan Jasmani merangkumi tiga domain utama iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Penekanan terhadap tiga domain tersebut perlulah dilaksanakan dengan seimbang supaya murid memperoleh kesan yang signifikan terhadap objektif serta matlamat Pendidikan Jasmani (Julismah, Norkhalid, Mohd Izwan, & Syed Kamaruzaman, 2014).

Terdapat beberapa perubahan bagi memantapkan lagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani, termasuklah kaedah pengajaran dan sistem pentaksiran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani adalah unik kerana menjadikan aktiviti permainan, pergerakan fizikal dan olahraga sebagai kaedah utama penyampaian ilmu (Bailey, 2006; Kelly & Melograno, 2004).

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/1979 bertarikh 02 Mei 1979, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia. Waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani juga tidak boleh digunakan bagi mata pelajaran lain. Selain itu, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 25/1998 yang bertarikh 18 November 1998 juga menyatakan dengan jelas bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran teras yang telah diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996. Berdasarkan kenyataan itu, mata pelajaran Pendidikan Jasmani hendaklah dilaksanakan oleh guru-guru dengan sebaiknya. Pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Jasmani mesti dilaksanakan bagi mencapai objektif dan matlamat Pendidikan Jasmani.

Pentaksiran Pendidikan Jasmani hendaklah menjadi satu kaedah penilaian yang dapat menilai tahap kemampuan pelajar berdasarkan kepada tiga domain iaitu domain psikomotor, kognitif dan afektif secara holistik. Menurut (Julismah et al., 2014), terdapat enam ciri pentaksiran iaitu (i) Menekankan perkembangan individu, (ii) Berdasarkan kepada kemampuan pelajar dan bukan untuk perbandingan antara pelajar, (iii) menggalakkan penilaian sendiri dengan melatih pelajar menilai kemajuan sendiri secara berterusan, (iv) Mengesan perkembangan pembelajaran secara menyeluruh dari aspek intelek, rohani, emosi, fizikal, dan

sosial, (v) Penilaian menyeluruh melibatkan domain kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (nilai murni) dan (vi) melibatkan perkembangan modal insan.

2.0 PENYATAAN MASALAH / LATAR BELAKANG

Pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah masih tidak menepati kehendak Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang telah digariskan dalam buku Panduan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Kebanyakan guru di sekolah melaksanakan proses pentaksiran dan penilaian hanya berdasarkan soalan dan lembaran kerja yang terdapat di dalam buku yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menilai tahap pencapaian pembelajaran pelajar sekolah (Salleh & Hamidah, 2013). Oleh yang demikian, item soalan dan lembaran kerja yang diguna pakai oleh guru di sekolah tidak menyeluruh dan tidak holistik.

Pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang dilaksanakan oleh guru di sekolah rendah tidak menilai secara menyeluruh bagi tiga domain utama mata pelajaran Pendidikan Jasmani iaitu domain psikomotor, kognitif dan afektif. Merujuk surat arahan pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 1/2014 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) dan Buku Panduan Pelaksanaan PBS (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) pentaksiran di sekolah hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran sebagai pembelajaran dan pentaksiran tentang pembelajaran.

Norkhalid (2012), melaporkan tiada dokumen yang standard digunakan oleh guru di sekolah dalam menilai aras pembelajaran pelajar berkaitan tajuk kemahiran permainan. Selain itu, beliau mencadangkan tentang keperluan instrumen penilaian dalam Pendidikan Jasmani yang berbentuk komprehensif serta mempunyai nilai kesahan, kebolehpercayaan dan objektiviti yang standard perlu diwujudkan.

Menerusi temu bual dengan beberapa orang Jurulatih Utama Pendidikan Jasmani Daerah Muar, Ledang dan Batu Pahat berkaitan pelaksanaan pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Jasmani, beliau sependapat menyatakan bahawa pentaksiran Pendidikan Jasmani yang dijalankan tidak seragam dan tiada instrumen pentaksiran yang standard yang digunakan oleh semua guru

Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Permainan Kategori Memadang Tahun 5 di daerah masing-masing (Helmy, Reduan, Roslan , komunikasi personel 25 Mei, 2016).

Kebanyakan guru menggunakan pelbagai jenis soalan yang direka sendiri mengikut fahaman masing-masing dan membeli buku soalan yang dijual di kedai buku. Hal ini disebabkan oleh guru menghadapi kekangan masa serta pelbagai tugas di sekolah. Maka timbulnya persoalan tentang kualiti, kebolehpercayaan serta kesahan item soalan yang dibina dalam melaksanakan pentaksiran Pendidikan Jasmani di sekolah. Menurut (Norazilawati et al., 2015), guru-guru di sekolah menghadapi masalah serta kompetensi dalam membina item soalan serta pelaksanaan pentaksiran Pendidikan Jasmani.


Selain itu, menurut Othman, Siti Esah, Ahmad Fuaad, Azali dan Omar (2013), kebanyakan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan masih tidak mahir dalam membina item pentaksiran, kurang faham dan kurang jelas berkaitan maksud pentaksiran yang boleh dipercayai dan mempunyai kesahan serta tidak mempunyai kemahiran untuk mentaksir dan menilai hasil pentaksiran. Ini berpunca daripada guru-guru yang masih tidak mempunyai tahap pengetahuan tentang pentaksiran dan tidak memiliki kompetensi bagi melaksanakan pentaksiran (Othman et al., 2013).

Tambahan pula, berdasarkan komunikasi personel dengan seorang penggubal Kurikulum Pendidikan Jasmani Bahagian Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (Adib, komunikasi personel 18 Jun, 2016) bersetuju bahawa masih terdapat kekurangan dari segi dokumen pentaksiran yang standard bagi kategori permainan memadang Tahun 5 untuk membolehkan guru-guru di sekolah melaksanakan pentaksiran dengan mudah dan bersistematik.

3.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN EKSTENSIF MODIFIKASI PERMAINAN KATEGORI MEMADANG DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 5

Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengandungi pentaksiran bagi permainan kategori memadang yang dibahagikan kepada domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan. Sehubungan itu, instrumen Pentaksiran Ekstensif menggunakan kaedah pentaksiran guru dan pentaksiran sendiri sebagai kaedah untuk mendapatkan skor tahap pencapaian murid.

Model ADDIE (Rossett, 1987) adalah berlandaskan Teori Behaviorisme yang meliputi 5 fasa. Istilah ADDIE merupakan singkatan bagi *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (perkembangan), *Implementation* (pelaksanaan), dan *Evaluation* (penilaian). Oleh itu, penyelidik menggunakan Model ADDIE dalam proses mereka bentuk dan membina instrumen Pentaksiran Ekstensif.



Rajah 1: Model ADDIE (Rossett, 1987).

Pada peringkat pertama dalam membina Model Pentaksiran Ekstensif ini melibatkan proses menganalisis dokumen bagi mengenalpasti dan mendapatkan maklumat awal dalam pembinaan rangka instrumen. Penyelidik menggunakan dokumen yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai tunggak dan rujukan kepada asas pembinaan instrumen. Antara dokumen tersebut ialah PPPM 2013-2025, Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5, Buku Teks Pendidikan Jasmani Tahun 5, DSKP Tahun 5, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/2014, Buku Panduan Pentaksiran Berfikir Aras Tinggi (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013), dan Buku Panduan Kemahiran Menaakul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Penyelidik juga mengkaji buku pentaksiran Pendidikan Jasmani dan

jurnal-jurnal yang berkaitan Pentaksiran Pendidikan Jasmani bagi mengenal pasti kriteria pentaksiran yang terbaik. Akhir sekali, penyelidik mendapatkan maklumat melalui komunikasi personel dengan penggubal kurikulum mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 dan guru yang mengajar mata pelajaran PJ Tahun 5.

Reka bentuk merupakan fasa kedua dalam pembentukan kerangka konseptual kajian. Teori pembelajaran Konstruktivisme Vygotsky (Vygotsky, 1978), Teori pembelajaran Behaviorisme (Thorndike, 1968), Taksonomi Bloom Revisi (Anderson & Krathwohl, 2001), Taksonomi Dave (Dave, 1970), Taksonomi Krathwohl et. al (1964), teori Pemprosesan Maklumat (Gagne, 1985) dan instrumen pentaksiran *Game Performance Assessment Instrument* (GPAI) Mitchell, Oslin & Griffin (2006) dijadikan asas kerangka teoritikal kajian. Setelah menganalisis dokumen dan mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian, pada fasa ini draf instrumen Pentaksiran Ekstensif direka bentuk dan dibina.

Peringkat ketiga ialah pembangunan, Instrumen Pentaksiran Ekstensif dibangunkan dan merangkumi instrumen pentaksiran psikomotor, instrumen pentaksiran kognitif, instrumen pentaksiran afektif dan instrumen pentaksiran penilaian prestasi permainan. Selepas itu, instrumen yang dibina telah disemak oleh beberapa orang pakar bidang mata pelajaran Pendidikan Jasmani untuk mendapatkan kesahan pakar berkaitan dengan kaedah pentaksiran, kesesuaian kandungan, kesesuaian bahasa, teknikal instrumen dan juga akauntabiliti instrumen. Langkah seterusnya, kajian rintis dilaksanakan di sekolah bagi menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen Pentaksiran Ekstensif.

Pelaksanaan dalam konteks ADDIE merujuk kepada proses aplikasi instrumen Pentaksiran Ekstensif. Instrumen Pentaksiran Ekstensif yang telah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dilaksanakan dalam kajian di sekolah rendah. Guru Pendidikan Jasmani menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif semasa proses PdP mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Sepanjang tempoh tersebut proses pentaksiran permainan kategori memadang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Jasmani di sekolah.

Penilaian terhadap keberkesanan instrumen Pentaksiran Ekstensif dibuat oleh penyelidik di peringkat kelima. Penyelidik menganalisis tahap pencapaian murid merangkumi tiga domain utama iaitu psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan. Borang soal selidik tahap persetujuan diedarkan bagi menilai keberkesanan instrumen Pentaksiran Ekstensif yang digunakan sebagai

pentaksiran pembelajaran. Akhir sekali, komunikasi personel terhadap guru Pendidikan Jasmani bertujuan bagi mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan instrumen yang digunakan.

Penyelidik menggunakan Model ADDIE (Rossett, 1987) dan Model Morrow et al. (2005) dalam proses pembinaan instrumen Pentaksiran Ekstensif pada peringkat pembangunan. Gabungan kedua-dua model ini berdasarkan kepada kajian Liza, Julismah, Azali & Norkhalid (2016), dan kajian Mohd Izwan, Norkhalid, dan Gunathevan (2015). Tiga teori pembelajaran merangkumi Domain psikomotor (Dave, 1970), Domain kognitif (Bloom Revisi, 2001), Domain Afektif Krathwohl, Bloom dan Masia (1964), dan satu instrumen penilaian prestasi permainan iaitu *Game Performance Assessment Instrument (GPAI)* (Mitchell et al., 2006) digunakan dalam proses menghasilkan instrumen Pentaksiran Ekstensif yang lengkap. Penyelidik menggunakan panduan pembinaan instrumen oleh Morrow et al. (2005), dalam proses pembinaan item-item Pentaksiran Ekstensif.

- b) Berapakah nilai kebolehpercayaan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Ekstensif bermaksud menyeluruh dan luas. Secara khususnya, Pentaksiran Ekstensif merangkumi tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Instrumen Pentaksiran Ekstensif Bahasa Melayu boleh digunakan di Sekolah Kebangsaan, Instrumen Pentaksiran Ekstensif Bahasa Cina boleh digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Instrumen Pentaksiran Ekstensif Bahasa Tamil boleh digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Modifikasi permainan merupakan salah satu cara alternatif yang dapat digunakan untuk memperbaiki bentuk permainan. Pentaksiran Ekstensif Modifikasi Permainan Kategori Memadang merujuk kepada beberapa jenis permainan seperti softball, kriket dan rounders yang telah dimodifikasi atau diubah suai oleh guru PJ mengikut kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah. Pelaksanaan modifikasi sangat diperlukan bagi setiap guru PJ sebagai alternatif bagi mengatasi permasalahan yang terjadi dalam proses pembelajaran PJ. Dalam kajian ini, modifikasi permainan merujuk kepada jenis permainan kategori memadang yang telah ditetapkan dalam Buku Teks Pendidikan Jasmani Tahun 5 yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pentaksiran Ekstensif dilaksanakan oleh guru Pendidikan Jasmani semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Pentaksiran dijalankan dalam tujuh sesi pengajaran dan pembelajaran. Dua orang guru Pendidikan Jasmani yang dipilih sebagai sampel kajian dan 30 orang murid sekolah rendah Tahun 5 dalam daerah Batu Pahat Johor. Seramai 10 orang panel pakar yang terlibat dalam proses menentukan kesahan kandungan instrumen Pentaksiran Ekstensif. Penggunaan 'teknik sampel bertujuan' membantu penyelidik memilih sampel guru dan juga panel pakar. Seterusnya, semua murid dalam kelas yang diajar oleh sampel guru merupakan sampel kajian secara langsung melalui kaedah pemilihan "*intact sampling*".

Pentaksiran Ekstensif dipecahkan kepada dua kaedah pentaksiran iaitu pemerhatian guru dan penilaian sendiri. Pentaksiran Ekstensif bertujuan mengukur tahap pencapaian pembelajaran murid bagi domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan.

6.0 INSTRUMEN KAJIAN

Pentaksiran Ekstensif mengandungi pentaksiran bagi kemahiran asas permainan kategori memadang dalam PJ Tahun 5 dan dipecahkan kepada empat bahagian iaitu psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan. Pentaksiran psikomotor berdasarkan standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 Pendidikan Jasmani Tahun 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014) dibahagikan kepada enam sub kemahiran kategori memadang terdiri daripada (i) unit 21: memaling bola ke petak sasaran; (ii) unit 22: mari memaling; (iii) unit 2: memukul dan bergerak; (iv) unit 24: menahan bola; (v) unit 25: baling bawah; dan (vi) unit 26: tangkap bola. Pentaksiran kemahiran psikomotor dijalankan dengan menggunakan Borang Pentaksiran Psikomotor Kemahiran Kategori Memadang Pentaksiran Ekstensif. Proses pentaksiran menggunakan kaedah pentaksiran guru semasa sesi PdP mata pelajaran PJ dilaksanakan bagi mendapatkan skor tahap pencapaian psikomotor murid.

Pembinaan instrumen pentaksiran psikomotor berdasarkan kepada teori taksonomi Dave (1971), melalui kaedah pemerhatian guru semasa sesi PdP mata pelajaran PJ. Proses pentaksiran dilaksanakan oleh guru PJ dengan membuat pemerhatian dan menilai tahap pencapaian psikomotor murid berdasarkan skor tahap pencapaian psikomotor yang menggunakan skala 1 hingga 5 dan pecahan rubrik mengikut aras seperti berikut: (i) skor 1 (menguasai asas), (ii) skor 2 (menguasai sebahagian), (iii) skor 3 (menguasai), (iv) skor 4 (menguasai keseluruhan) dan (v) skor 5 (berkemahiran semula jadi). Pentaksiran psikomotor adalah selari dengan kriteria pentaksiran aspek psikomotor yang dicadangkan oleh Norkhalid (2012), Bhashah (2006), dan Lund dan Kirk (2002).

Pentaksiran kognitif dijalankan oleh guru dengan menggunakan soalan Ujian Kognitif Pentaksiran Ekstensif. Pentaksiran kognitif berbentuk ujian pensel dan kertas yang mengandungi 40 soalan aneka pilihan dan dibahagikan kepada enam set ujian dengan setiap sesi ujian

mengandung 5 soalan ujian. Kaedah pentaksiran sendiri digunakan untuk pentaksiran kognitif bagi mendapatkan skor tahap pencapaian kognitif murid. Proses pentaksiran dijalankan pada 5 minit sebelum berakhirnya waktu PdP iaitu guru mengedarkan kertas soalan ujian kognitif dan murid dikehendaki menjawab dalam masa 5 minit.

Soalan ujian kognitif berpandukan Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Pembinaan Pentaksiran kognitif ini berdasarkan kepada taksonomi Bloom Revisi Anderson & Krathwohl (2001). Pemberatan soalan mengikut aras taksonomi Bloom Revisi iaitu empat soalan aras mengingat (11.00%), lima soalan aras memahami (14.00%), tujuh soalan mengaplikasi (19.00%), 8 soalan aras menganalisis (22.00%), enam soalan aras menilai (17.00%) dan enam soalan aras mencipta (17.00%). Jadual spesifikasi dan wajaran pentaksiran kognitif kemahiran permainan kategori memadam berdasarkan Hastad dan Lacy (2002). Pentaksiran kognitif bersesuaian dengan kaedah pentaksiran aspek kognitif yang dikemukakan oleh Norkhalid (2012), Abdullah Sani (2003), Abdullah Ghafar (2003), dan Lund dan Krik (2002).

Pentaksiran afektif berdasarkan standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014) dibahagikan kepada enam nilai kesukanan yang terdiri daripada (i) unit 21: Mengenalpasti ruang yang selamat untuk melakukan aktiviti; (ii) unit 22: Melibatkan diri secara aktif sebagai ahli kumpulan; (iii) unit 2: Melibatkan diri secara aktif sebagai ahli kumpulan; (iv) unit 24: Menerima cabaran dan berasa seronok semasa aktiviti; (v) unit 25: Melibatkan diri secara aktif sebagai ahli kumpulan; dan (vi) unit 26: Meningkatkan komponen kecergasan.

Pembinaan instrumen pentaksiran afektif berdasarkan kepada teori taksonomi Krathwohl, Bloom dan Masia (1964). Proses pentaksiran dilaksanakan oleh guru PJ dengan membuat pemerhatian dan menilai tahap pencapaian afektif murid berdasarkan skor tahap pencapaian afektif yang menggunakan skala 1 hingga 5 dan pecahan rubrik mengikut aras seperti berikut: iaitu (i) skor 1 (sangat lemah), (ii) skor 2 (lemah), (iii) skor 3 (sederhana), (iv) skor 4 (baik), dan (v) skor 5 (cemerlang). Pentaksiran afektif bersesuaian dengan kaedah pentaksiran aspek afektif

yang disarankan oleh Norkhalid (2012), Bhasah (2006), Meloggrano (2007), Mohnsen (2003), dan Lund & Krik (2002).

Pentaksiran komponen penaakulan dijalankan dengan menggunakan Borang Penilaian Prestasi Permainan Kemahiran Kategori Memadang Pentaksiran Ekstensif. Borang penilaian prestasi permainan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu kategori memukul dan kategori memadang. Proses pentaksiran menggunakan kaedah pentaksiran guru semasa sesi khas PdP iaitu permainan softball selama 30 minit. Murid dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu satu kumpulan sebagai pasukan memadang dan satu kumpulan lagi sebagai pasukan memukul. Murid dikehendaki bermain permainan softball dengan mengaplikasikan kesemua enam kemahiran yang telah dipelajari semasa sesi PdP sebelum ini. Murid dari pasukan memukul akan bermain selama 15 minit begitu juga murid dari pasukan memadang, selepas 15 minit murid daripada pasukan memadang akan bertukar peranan sebagai pasukan memukul dan murid daripada pasukan memukul akan bertukar peranan sebagai pasukan memadang. Proses pentaksiran menggunakan kaedah pentaksiran guru semasa sesi permainan softball bagi mendapatkan skor tahap pencapaian penaakulan murid.

Pembinaan instrumen Penilaian Prestasi Permainan Kemahiran Kategori Memadang Pentaksiran Ekstensif diubah suai berdasarkan "*Game Assessment Performance Instrument*" (Mitchell, Oslin & Griffin, 2006), melalui kaedah pemerhatian guru semasa sesi khas PdP permainan softball. Pentaksiran penilaian prestasi kategori memadang dan kategori memukul dipecahkan kepada tiga komponen penaakulan yang dinilai iaitu (i) pelaksanaan kemahiran; (ii) membuat keputusan; dan (iii) tapak. Proses pentaksiran dan penilaian komponen penaakulan pelaksanaan kemahiran dilaksanakan oleh guru PJ dengan menggunakan kaedah pemerhatian berdasarkan skor tahap pencapaian penaakulan yang menggunakan skala 1 hingga 5 dan pecahan rubrik mengikut aras seperti berikut: (i) skor 1 (sangat lemah), (ii) skor 2 (prestasi lemah), (iii) skor 3 (prestasi sederhana), (iv) skor 4 (prestasi efektif), dan (v) skor 5 (prestasi sangat efektif). Pentaksiran komponen penaakulan bersesuaian dengan kaedah pentaksiran penaakulan yang dicadangkan oleh Razak (2017), dan Mitchell, Oslin & Griffin (2006).

7.0 KEPUTUSAN KESAHAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN EKSTENSIF

Bagi mendapatkan nilai kesahan kandungan penyelidik telah melaksanakan sebanyak dua kali proses kesahan kandungan selaras dengan proses pembinaan instrumen Morrow et al. (2005). Proses mendapatkan kesahan instrumen yang pertama dilaksanakan dalam kajian rintis yang pertama. Seramai lima orang panel pakar yang terlibat dalam proses kesahan instrumen iaitu dua orang pensyarah kanan dari Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn Batu Pahat yang berpengalaman lebih 25 tahun bagi menyemak isi kandungan instrumen, seorang pensyarah kanan Bahasa Melayu dari Jabatan Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn Batu Pahat menyemak laras bahasa, ejaan dan struktur ayat yang berkaitan instrumen dan dua orang guru opsyen Pendidikan Jasmani yang berpengalaman 20 tahun mengajar Pendidikan Jasmani untuk menguji prosedur ujian instrumen Pentaksiran Ekstensif semasa peringkat kajian rintis. Penyelidik menggunakan kaedah statistik persetujuan secara manual untuk memperolehi min bagi kesahan 5 orang panel pakar berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Skor Maksimum Pakar}} \times 100 = \text{Korelasi Kesahan Kandungan}$$

Berdasarkan Jadual 1 kesahan kandungan Pentaksiran Ekstensif kali pertama melalui persetujuan panel pakar dalam kajian rintis adalah $r = 0.90$ ($N=5$). Menurut Liza, Julismah, Azali, Norkhalid (2016), Norkhalid, Julismah, Nur Akmal, Sadzali, Gunathevan dan Mohd Izwan (2014), Sidek dan Jamaludin (2008), Rink (2002), dan Abu Bakar (1985), nilai r 0.70 telah mencapai tahap yang tinggi dan instrumen tersebut mempunyai kesahan yang baik.

Jadual 1: Kesahan Item Pentaksiran Ekstensif Panel Pakar (N=5)

Elemen	Item	Pakar	Pakar	Pakar	Pakar	Pakar	Σ	M
		1	2	3	4	5		
Prosedur Pelaksanaan	Prosedur pelaksanaan yang jelas	9	8	9	10	9		
	Arahan yang jelas	8	10	9	9	10		
	Maklumat yang disediakan	9	9	10	8	8		
	mencukupi	10	9	9	8	8		
	Prosedur yang mudah difahami	9	9	10	9	9		
	Tatacara pelaksanaan yang mudah							
Ujian Psikomotor	Kemahiran yang diuji bertepatan	10	10	10	9	10		
	Skor yang digunakan sesuai	9	9	9	10	9		
	Rubrik yang jelas dan sesuai	10	8	9	9	9		
	Teks borang psikomotor yang jelas	8	8	8	9	8		
	Borang pentaksiran psikomotor mudah digunakan	10	10	9	8	8		
Ujian Kognitif	Kandungan soalan bertepatan	9	8	9	10	9		
	Teks soalan jelas dan sesuai	10	10	9	9	9		
	Soalan mengikut aras taksonomi Bloom (2001)	10	8	9	8	9		
	Soalan sesuai mengikut peringkat umur	9	9	10	9	8		
	Soalan sesuai mengikut peringkat umur	8	9	8	9	8		
	Gambar jelas dan sesuai							
Ujian Afektif	Nilai yang diuji bertepatan	10	9	10	10	9		
	Skor yang digunakan sesuai	9	10	9	9	10		
	Rubrik yang digunakan jelas dan sesuai	9	8	8	8	9		
	Teks borang afektif yang jelas	10	9	9	9	8		
	Borang pentaksiran afektif mudah digunakan	9	8	9	9	9		
Ujian Penaakulan	Komponen penaakulan yang diuji sesuai	10	10	9	9	10		
	Skor yang digunakan sesuai	9	9	10	10	8		
	Rubrik yang digunakan jelas dan sesuai	8	9	9	9	9		
	Borang pentaksiran penaakulan mudah digunakan	9	8	9	9	9		
	Pentaksiran ini membantu guru menilai murid	10	8	9	9	10		
Keseluruhan	Pentaksiran ini sesuai dengan murid tahun 5	10	10	10	10	10		
	Pentaksiran ini boleh dilaksanakan	9	8	9	9	8		
	Jangka masa proses pentaksiran ini sesuai	9	8	9	9	8		
	Pentaksiran dapat menilai tahap pencapaian murid	9	9	8	8	9		
	Pentaksiran dapat membantu guru menilai murid	9	9	8	8	9		
Σ		277	265	273	269	266	1,350	0.90
M		0.92	0.88	0.91	0.90	0.89	4.50	0.90

Seterusnya, penyelidik melakukan penambahbaikan instrumen Pentaksiran Ekstensif berdasarkan saranan dan cadangan dari panel pakar. Selepas itu, penyelidik melaksanakan proses pengesahan instrumen kali kedua melibat lima orang panel pakar iaitu dua orang panel pakar bidang mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkecualan Doktor Falsafah dan pensyarah kanan merangkap penggubal kurikulum Pendidikan Jasmani yang berpengalaman melebihi 25 tahun dalam bidang Pendidikan Jasmani dari Institut Pendidikan Guru Tun Hussein Onn Batu Pahat, seorang guru cemerlang Pendidikan Jasmani, seorang Ketua Panitia Pendidikan Jasmani, seorang Jurulatih Utama Pendidikan Jasmani peringkat daerah dan seorang Pensyarah Bahasa Melayu berkecualan Doktor Falsafah dari Institut Pendidikan Guru Tun Hussein Onn Batu Pahat untuk menentukan nilai kesahan item kandungan.

Jadual 2: Kesahan Item Pentaksiran Ekstensif Panel Pakar (N=5)

Elemen	Item	Pakar	Pakar	Pakar	Pakar	Pakar	Σ	<i>M</i>
		1	2	3	4	5		
Prosedur Pelaksanaan	Prosedur pelaksanaan yang jelas	10	9	9	10	9		
	Arahan yang jelas	9	10	9	9	10		
	Maklumat yang disediakan mencukupi	9	9	10	8	10		
	Prosedur yang mudah difahami	10	9	9	8	9		
	Tatacara pelaksanaan yang mudah	9	9	10	9	9		
Ujian Psikomotor	Kemahiran yang diuji bertepatan	10	10	10	9	10		
	Skor yang digunakan sesuai	9	9	9	10	9		
	Rubrik yang jelas dan sesuai	10	9	9	9	9		
	Teks borang psikomotor yang jelas	9	9	8	9	10		
	Borang pentaksiran psikomotor mudah digunakan	10	10	9	8	10		
Ujian Kognitif	Kandungan soalan bertepatan	10	9	9	10	10		
	Teks soalan jelas dan sesuai	9	10	9	9	9		
	Soalan mengikut aras taksonomi Bloom (2001)	10	9	9	8	9		
	Soalan sesuai mengikut peringkat umur	9	9	8	9	10		
	Gambar jelas dan sesuai	9	9	10	9	10		
Ujian Afektif	Nilai yang diuji bertepatan	10	9	10	10	9		
	Skor yang digunakan sesuai	9	10	9	9	10		
	Rubrik yang digunakan jelas dan sesuai	9	9	9	8	10		
	Teks borang afektif yang jelas	10	9	9	9	10		
	Borang pentaksiran afektif mudah digunakan	9	9	9	9	9		
Ujian Penaakulan	Komponen penaakulan yang diuji	10	10	9	9	10		
	sesuai	9	9	10	10	10		
	Skor yang digunakan sesuai	9	9	9	9	9		
	Rubrik yang digunakan jelas dan sesuai	9	9	9	9	9		

	Borang pentaksiran penaakulan mudah digunakan Pentaksiran ini membantu guru menilai murid	9	9	9	9	10		
Keseluruhan	Pentaksiran ini sesuai dengan murid tahun 5	10	10	10	10	10		
	Pentaksiran ini boleh dilaksanakan	10	9	9	9	9		
	Jangka masa proses pentaksiran ini sesuai	9	9	9	9	10		
	Pentaksiran dapat menilai tahap pencapaian murid	9	9	9	8	9		
	Pentaksiran dapat membantu guru menilai murid							
Σ		282	277	275	276	285	1,39	0.93
M		0.94	0.92	0.92	0.92	0.93	5	0.93
							4.63	

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan nilai kesahan kandungan pusingan kali kedua yang telah diperolehi daripada lima orang panel pakar yang dilantik. Dapatan menunjukkan nilai min persetujuan bagi lima panel pakar mencapai .90 peratus. Manakala, nilai min bagi kesahan instrumen Pentaksiran Ekstensif adalah $r = .93$ ($N=5$). Menurut Liza, Julismah, Azali, Norkhalid (2016), Norkhalid, Julismah, Nur Akmal, Sadzali, Gunathevan dan Mohd Izwan (2014), Abu Bakar dan Bhasah (2008), dan Sidek dan Jamaludin (2008), nilai r 0.70 telah mencapai tahap yang tinggi, instrumen tersebut mempunyai kesahan yang baik dan instrumen tersebut boleh diterima pakai dalam kajian.

8.0 KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN PENTAKSIRAN EKSTENSIF

Noraini (2013), menyatakan jika seseorang individu yang sama diukur dalam keadaan yang sama berulang kali, maka sesuatu pengukuran yang mempunyai kebolehpercayaan akan memberi ukuran yang sama atau hampir sama pada setiap kali ukuran dibuat. Ahmad (2014), menyatakan kaedah uji dan ulang uji memerlukan pentadbiran ujian yang sama ke atas murid yang sama dalam dua masa yang berbeza. Penyelidik melaksanakan kaedah uji dan ulang uji ke atas kumpulan murid yang sama pada masa yang berlainan bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan antara dua penguji. Skor ujian yang dicatat oleh kedua-dua penilai dibandingkan bagi menentukan kebolehpercayaan antara penilai. Kaedah korelasi *Pearson*

product moment digunakan bagi memperoleh nilai pekali kebolehpercayaan instrumen Pentaksiran Ekstensif (Noraini, 2013).

Jadual 3: Kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Ekstensif antara dua pentaksir (N=30)

	Teknik Analisis	Pentaksir 1	Pentaksir 2
Pentaksir 1	Pearson Correlation	1	.92**
	<i>Sing. (2-tailed)</i>	.000	.000
	<i>N</i>	30	30
Pentaksir 2	Pearson Correlation	.92**	1
	<i>Sing. (2-tailed)</i>	.000	.000
	<i>N</i>	30	30

* Signifikan pada aras 0.01 (2 penghujung)

Merujuk jadual 3 di atas, nilai pekali korelasi di antara skor pentaksir 1 dan pentaksir 2 adalah $r = 0.92$. Berpandukan Liza, Julismah, Azali, Norkhalid (2016), Mohd Izwan, Norkhalid & Gunathevan (2015), dan Rink (2002), nilai r sekurang-kurangnya 70 peratus (0.7) adalah tinggi dan boleh diterima.

Jadual 4: Kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Ekstensif Psikomotor, Kognitif, Afektif dan Penaakulan antara dua Pentaksir (N=30)

Variable	Teknis Analisis	<i>r</i>
Psikomotor	<i>Pearson product moment</i>	.96**
Kognitif	<i>Pearson product moment</i>	.85**
Afektif	<i>Pearson product moment</i>	.94**
Memukul	<i>Pearson product moment</i>	.84**
Memadang	<i>Pearson product moment</i>	.86**

* Signifikan pada aras 0.01 (2-penghujung)

Berdasarkan Jadual 4, nilai pekali kebolehpercayaan untuk instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi aspek psikomotor adalah $r = .96$, kognitif $r = .85$, afektif $r = .94$, memukul $r = .84$,

dan memadang $r = .86$. Ini menunjukkan kedua-dua pentaksir mempunyai nilai kebolehpercayaan dan objektiviti yang tinggi.

9.0 PROSEDUR PELAKSANAAN PENTAKSIRAN EKSTENSIF MODIFIKASI PERMAINAN KATEGORI MEMADANG DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 5

- i. Pentaksiran Ekstensif Modifikasi Permainan Kategori Memadang Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 ini mengandungi 7 sesi pengajaran PJ. Setiap sesi melibatkan 1 waktu pengajaran (30 minit).
- ii. Bagi sesi 1, guru dikehendaki mengajar kemahiran membaling bola ke petak sasaran mengikut Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 yang telah dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK):
 - Guru dikehendaki menilai pencapaian murid dari aspek kognitif dan psikomotor dan afektif bagi kemahiran membaling bola ke petak sasaran disepanjang proses PdP berlangsung.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian kemahiran psikomotor murid semasa aktiviti menggunakan Borang Psikomotor Permainan Kategori Memadang yang disediakan.
 - Bagi penilaian kognitif, guru dikehendaki melaksanakan ujian 1 pada 5 minit terakhir sesi PdP menggunakan kertas soalan ujian 1 yang disediakan. Jangka masa ujian ialah 5 minit dan murid hendaklah menjawab di dalam kertas soalan yang disediakan.
 - Bagi penilaian afektif, guru dikehendaki menilai pencapaian murid menggunakan Borang Afektif Permainan Kategori Memadang di sepanjang proses PdP berlangsung.
- iii. Sesi 2 pula, guru dikehendaki mengajar kemahiran mari membaling:
 - Guru dikehendaki menilai pencapaian murid dari aspek kognitif dan psikomotor dan afektif bagi kemahiran membaling bola di sepanjang proses PdP berlangsung.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian kemahiran psikomotor murid semasa aktiviti menggunakan Borang Psikomotor Permainan Kategori Memadang yang disediakan.
 - Bagi penilaian kognitif, guru dikehendaki melaksanakan ujian 2 pada 5 minit terakhir sesi PdP menggunakan kertas soalan ujian 2 yang disediakan. Jangka masa ujian ialah 5 minit dan murid hendaklah menjawab di dalam kertas soalan yang disediakan.

- Bagi penilaian afektif, guru dikehendaki menilai pencapaian murid menggunakan Borang Afektif Permainan Kategori Memadang disepanjang proses PdP berlangsung.
- iv. Bagi sesi pengajaran 3, guru dikehendaki mengajar kemahiran memukul dan bergerak:
- 4Guru dikehendaki menilai pencapaian murid dari aspek kognitif dan psikomotor dan afektif bagi kemahiran memukul dan bergerak di sepanjang proses P&P berlangsung.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian kemahiran psikomotor murid semasa aktiviti menggunakan Borang Psikomotor Permainan Kategori Memadang yang disediakan.
 - Bagi penilaian kognitif, guru dikehendaki melaksanakan ujian 3 pada 5 minit terakhir sesi PdP menggunakan kertas soalan ujian 3 yang disediakan. Jangka masa ujian ialah 5 minit dan murid hendaklah menjawab di dalam kertas soalan yang disediakan.
 - Bagi penilaian afektif, guru dikehendaki menilai pencapaian murid menggunakan Borang Afektif Permainan Kategori Memadang disepanjang proses PdP berlangsung.
- v. Seterusnya untuk sesi 4, guru dikehendaki mengajar kemahiran menahan bola:
- Guru dikehendaki menilai pencapaian murid dari aspek kognitif dan psikomotor dan afektif bagi kemahiran menahan bola disepanjang proses PdP berlangsung.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian kemahiran psikomotor murid semasa aktiviti menggunakan Borang Psikomotor Permainan Kategori Memadang yang disediakan.
 - Bagi penilaian kognitif, guru dikehendaki melaksanakan ujian 4 pada 5 minit terakhir sesi PdP menggunakan kertas soalan ujian 4 yang disediakan. Jangka masa ujian ialah 5 minit dan murid hendaklah menjawab di dalam kertas soalan yang disediakan.
 - Bagi penilaian afektif, guru dikehendaki menilai pencapaian murid menggunakan Borang Afektif Permainan Kategori Memadang disepanjang proses PdP berlangsung.
- vi. Bagi sesi 5, guru dikehendaki mengajar kemahiran balingan bawah.
- Guru dikehendaki menilai pencapaian murid dari aspek kognitif dan psikomotor dan afektif bagi kemahiran balingan bawah di sepanjang proses P&P berlangsung.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian kemahiran psikomotor murid semasa aktiviti menggunakan Borang Psikomotor Permainan Kategori Memadang yang disediakan.
 - Bagi penilaian kognitif, guru dikehendaki melaksanakan ujian 2 pada 5 minit terakhir sesi PdP menggunakan kertas soalan ujian 5 yang disediakan. Jangka masa ujian ialah 5 minit dan murid hendaklah menjawab di dalam kertas soalan yang disediakan.

- Bagi penilaian afektif, guru dikehendaki menilai pencapaian murid menggunakan Borang Afektif Permainan Kategori Memadang di sepanjang proses PdP berlangsung.
- vii. Bagi sesi 6, guru dikehendaki mengajar kemahiran tangkap bola.
- Guru dikehendaki menilai pencapaian murid dari aspek kognitif dan psikomotor dan afektif bagi kemahiran tangkap bola di sepanjang proses PdP berlangsung.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian kemahiran psikomotor murid semasa aktiviti menggunakan Borang Psikomotor Permainan Kategori Memadang yang disediakan.
 - Bagi penilaian kognitif, guru dikehendaki melaksanakan ujian 2 pada 5 minit terakhir sesi PdP menggunakan kertas soalan ujian 6 yang disediakan. Jangka masa ujian ialah 5 minit dan murid hendaklah menjawab di dalam kertas soalan yang disediakan.
 - Bagi penilaian afektif, guru dikehendaki menilai pencapaian murid menggunakan Borang Afektif Permainan Kategori Memadang di sepanjang proses P&P berlangsung.
- viii. Akhir sekali sesi 7, guru dikehendaki melaksanakan permainan softball.
- Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian penaklukan murid bagi permainan softball sepanjang sesi permainan selama 30 minit.
 - Guru dikehendaki menilai tahap pencapaian penaklukan murid semasa sesi permainan menggunakan Borang Penilaian Prestasi Permainan yang disediakan.
 - Borang Penilaian Prestasi Permainan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu memadang dan memukul.
 - Guru dikehendaki menilai tahap penaklukan dari aspek memadang dan memukul semasa sesi permainan softball.

10.0 KESIMPULAN

Di Malaysia, instrumen pentaksiran yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan adalah sangat terhad, terutamanya untuk mata pelajaran yang tiada peperiksaan seperti Pendidikan Jasmani. Akan tetapi, mata pelajaran Pendidikan Jasmani juga penting dalam memastikan murid dapat berkembang dan membesar dalam keadaan yang holistik dan sihat. Dengan itu, dengan adanya instrumen pentaksiran yang sah dan bolehpercayaan akan dapat memabantu para guru menilai tahap pencapaian pembelajaran murid dengan tepat merangkumi aspek psikomotor, kognitif, afektif dan penaklukan. Seterusnya, secara tidak langsung menjadi sumber motivasi

kepada murid untuk lebih bersungguh-sungguh dan minat dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Merujuk kepada dapatan kajian, Instrumen Pentaksiran Ekstensif Modifikasi Permainan Kategori Memadang dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 ini adalah sesuai dan lengkap sebagai instrumen pentaksiran yang standard. Proses pentaksiran dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh serta dapat menaksir tahap pencapaian murid bagi permainan kategori memadang. Instrumen Pentaksiran Ekstensif merupakan instrumen pentaksiran yang holistik, realistik dan dapat mengukur tahap pencapaian murid bertepatan dengan kehendak pentaksiran berasaskan sekolah sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5.

RUJUKAN

- Abdul Razak, N. (2017). *Profil Penaakulan Pelajar Berdasarkan Permainan Kategori Jaring dan Dinding dalam Pendidikan Jasmani* (Tesis Doktor Faksafah yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Abdullah Ghafar, M. D. (2003). *Prinsip dan amalan pengajaran* . Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abdullah Sani, Y. (2003). *Mengukur kemahiran literasi guru sekolah rendah* (Tesis Doktor Faksafah yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Abu Bakar. N. (1985). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Abu Bakar, N., & Bhasah, A. B. (2008). *Penaksiran dalam Pendidikan dan sains sosial* (Cetakan Pe.). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adib, S. (2016). *Komunikasi personel* 18 Februari 2016.
- Ahmad, H. (2014). *Panduan analisis data secara efisien* (Edisi 1). Tanjong Malim, Perak: Dubook Press Sdn.Bhd.
- Anderson, L. W., & Krathwohl D. R. (eds) (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Bashah, A.B. (2006). *Pengujian, pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Bailey, R. (2006). Physical education and sport in school: A review of benefit and outcomes. *Journal of based Approach*. USA: Human Kinetics.
- Dave, R. H., (1970). *Psychomotor levels developing and writing behavioural objectives*. Tuscon, AZ : Educational Innovators Press.
- Gagne, R. M. (1985). *The Condition of Learning and Theory of Instruction* (4th Ed). New York: Hold, Rinehart & Winston, Inc.
- Hastad, D., & Lacy, A. (2002). *Measurement and Evaluation in Physical Education and Exercise Science* (4th Ed.). San Francisco: Benjamin Cummings.
- Helmy, Reduan, Roslan. (2016). *Komunikasi personel* 25 Mei, 2016.
- Julismah, J., Norkhalid, S., Mohd. Izwan, S, & Syed Kamaruzaman, S. A. (2014). *Model-model pentaksiran dalam pendidikan jasmani (1st Ed.)*. Tanjong Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kelly, L. E., & Melograno, V. (2004). *Developing the Physical Education Curriculum. An Achievement- based Approach*. USA: Human Kinetics.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1979: Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1998). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1998: Pendidikan Jasmani (Pindaan)*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Buku Panduan Kemahiran Mrnaakul*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 1/2014: Penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Putrajaya.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pendidikan Jasmani Tahun 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krathwohl, D.R., Bloom, B.S., & Masia, B.B. (1964). *Taxonomy of educational objectives, the classification of educational goals, Handbook II: affective domain*. New York : David McKay Company Inc.
- Lembaga Peperiksaan. (2013). *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Liza, S., Julismah, J., Azali, R., & Norkhalid, S. (2016). Learning Assessment For Invasion Category Games In Year 4 Physical Education. *Journal of Sports Science and Physical Education, Malaysia*.
- Lund, J.L., & Kirk, M. F. (2002). *Performance-base assessment for middle and high school physical education*. Human Kinetics: Champaign.
- Melograno, V. J. (2007). Grading and report cards for standards-based physical education. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 78(6), 45-53. doi: 10.1080/07303084.2007.10598041.
- Mitchell, S.A., Oslin, J.L., & Griffin, L.L. (2006). *Teaching soprt concepts and skill: A tactical games approach*. 2nd ed. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Mohd Izwan, S., Norkhalid, S., & Gunathevan, E. (2015). The Validity and Reliability of ISO Test towards the Performance Assessment of Future Physical Education Teachers in Teaching and Learning Process. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*.
- Mohnsen, B. S. (2003). *Teaching middle school Physical Education. A standards-based approach for grades 5-8*. United States: Human Kinetics.
- Morrow, J.R., Jackson, A. W., Disch & Mood, D.P. (2005). *Measurement and evaluation in human performance* (3rd ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan (Edisi Kedua)*: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Norazilawati, A., Noraini, M. N., Rosnidar, M., Abdul Talib, M. H., & Wong, K. T. (2015). Penilaian Pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dalam kalangan guru sains. *Journal Pendidikan Sains Dan Matematik*.
- Norkhalid Salimin, (2012). *Pentaksiran komprehensif berbanding penilaian kendalian sekolah menengah dalam mata pelajaran pendidikan jasmani Tingkatan 2*. Tesis Doktor Falsafah. Tidak diterbitkan. Tanjung Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norkhalid, S., Julismah, J., Nur Akmal, I., Sadzali, H., Gunathevan, E., Boon, O.K., & Mohd Izwan, S. (2014). Validity and Reliability of Comprehensive Assessment Instruments for Professional Skills in Field and Court Sport Among Major Students Coaching Based on Model K. BEST: *International Journal of Humanities, Art, Medecinie and Sciences (BEST: IJHAMS)*.
- Othman, L., Siti Esah, M., Ahmad Fuaad, D., Azali, R., & Omar Hisham, B. (2013). *Pembinaan standard pentaksiran berasaskan sekolah bagi sekolah rendah di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Malaysia.
- Rink, J. E. (2002). *Teaching physical Education for learning (4th ed)*. New York: McGraw Hill.

- Rossett, A. (1987). *Training need Assessment*. Englewood Cliffs: Educational Technology Publication.
- Salleh, M. S., & Hamidah, A. (2014). *Pendidikan Jasmani Tahun 5 Sekolah Kebangsaan* (Cetakan Pe). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek, M. N., & Jamaludin, A. (2008). *Pembinaan Modul. Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*.
- Thorndike, E. L. (1968). International Encyclopedia of the Social Sciences. Retrieved from *Encyclopedia.com*: <http://encyclopedia.com/doc/1G2-3045001256.html>
- Thorndike, R.L. dan Hagen, E.P., (1977). *Measurement and evaluation in Psychology and Education*. New York: John Wiley & Sons.
- Vygotsky, L.S. (1986), *Thought and language*. (A. Kozulin, trans), Cambridge, MA : MIT Press. (Original work published 1934).